**DAP**
**Chedet.cc**
**5 October 2017**
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Ramai orang Melayu percaya jika UMNO (BN) kalah maka DAP akan memerintah Malaysia. Lebih dari itu Kit Siang akan jadi Perdana Menteri.

2. Ada di antara mereka yang anggap saya sudah mengkhianati Melayu dengan bekerjasama dengan Kit Siang dan DAP. Mereka tidak boleh terima DAP sama sekali kerana DAP ini anti Melayu.

3. Sebenarnya sayalah orangnya yang mempersetankan DAP. Dalam politik jika kita nak kalahkan musuh, kita terpaksa memburukan imej musuh. DAP adalah musuh parti saya dan saya sendiri.

4. Pendekatan saya amat berkesan walaupun saya juga dipersetankan oleh DAP.

5. Demikian kesannya usaha saya dan rakan-rakan saya dalam mempersetankan DAP sehingga orang Melayu tidak boleh terima DAP dan sesiapa yang mendampingi DAP sama sekali.

6. Hari ini saya sendiri yang mendampingi DAP. Maka pada ramai orang UMNO terutamanya, saya sudah khianati mereka.

7. Saya tidak akan berbuat demikian jika DAP benar-benar syaitan. Sebelum saya ramai juga pemimpin tertinggi Melayu yang bekerjasama, bahkan menyokong DAP. Di antara mereka ialah Tunku Abdul Rahman, (Bapa Kemerdekaan) dan Tengku Razaleigh Hamzah. Anwar Ibrahim juga bekerjasama dengan Kit Siang dan DAP.

8. Pemimpin PAS, Hadi Awang biasa berpeluk Kit Siang dan berada dalam Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat pada PRU 12 dan 13. PAS menang besar apabila disokong oleh orang Cina DAP.

9. Saya mula bekerjasama dengan Kit Siang apabila beliau menyokong Deklarasi Rakyat yang bertujuan menjatuhkan Kerajaan BN pimpinan Najib. Pada ketika itulah perjuangan politik kami menjadi sama. Kedua-dua kami berpendapat menjatuhkan Najib lebih penting dari sengketa antara kami.

10. Hakikatnya ialah di Malaysia yang berbilang kaum, tidak ada satu parti atau satu kaum yang boleh menang dalam PRU sehingga menubuh Kerajaan Malaysia. Hanya parti campuran sahaja yang boleh kuasai cukup bilang untuk mendiri Kerajaan.

11. UMNO dengan sendirinya tidak mungkin menang dan tubuh Kerajaan. Hari ini pun UMNO hanya mempunyai 88 wakil rakyat dalam Dewan Rakyat yang mempunyai 220 kerusi. UMNO perlu sokongan MCA, MIC dan banyak parti-parti lain (13 buah parti).

12. Demikian juga dalam parti-parti yang menentang BN. Tidak ada satu parti yang boleh diri Kerajaan dengan sendirinya. Hanya parti campuran yang boleh menewas BN.

13. Pengundi Cina kurang dari pengundi Melayu. Tetapi Melayu berpecah kepada empat buah parti iaitu UMNO, PKR, AMANAH dan PPBM. Apabila UMNO berlawan dengan parti lain samada dua

penjuru atau tiga atau lebih, undi pengundi Cina yang akan menentukan UMNO menang atau tidak. Demikian juga dengan parti lawan.

14. Menyedari hakikat ini maka parti lawan juga perlu mendapat sokongan pengundi Cina. Sebab itulah Pakatan Harapan bekerjasama dengan DAP. DAP juga sedar untuk menang lawan dengan MCA atau Gerakan, pengundi Melayu diperlukan.

15. Setelah menyetujui DAP menjadi rakan dalam Pakatan Harapan, gabungan ini dapati DAP bukanlah seburuk seperti dikatakan oleh saya dahulu.

16. DAP bukan parti Cina. Tidak seperti MCA, DAP terbuka kepada semua kaum. Kepimpinannya, bahkan wakil rakyatnya bukan semuanya Cina seperti MCA. Ada wakil rakyat Melayu dan India dalam DAP.

17. Sebagai parti berbilang kaum DAP tidak boleh guna hanya bahasa Cina sahaja seperti MCA. DAP mengguna bahasa Kebangsaan dalam mesyuaratnya. Wakil rakyat Cina dari DAP boleh bertutur dalam bahasa Kebangsaan lebih baik dari wakil MCA.

18. DAP tidak dapat memiliki lebih dari 50 wakil rakyat dalam Dewan Rakyat kerana jumlah kawasan parlimen Cina terhad. (Sekarang DAP hanya mempunyai 35 wakil rakyat) Bukan semua wakil rakyat DAP terdiri dari orang Cina.

19. Jika Pakatan Harapan menang DAP tidak boleh tuntut jawatan Perdana Menteri untuk partinya. Dan Kit Siang tidak mungkin jadi Perdana Menteri. Dakwaan bahawa Kit Siang akan jadi Perdana Menteri ini diguna oleh Najib untuk menakutkan UMNO dan orang Melayu.

20. Majoriti dari wakil rakyat, jika Pakatan Harapan menang akan terdiri dari orang Melayu. Ramai dari mereka berminat untuk menjadi Perdana Menteri. Mereka tidak akan serah keputusan kepada DAP untuk pemilihan Perdana Menteri.

21. DAP sendiri dan Kit Siang juga telah mengatakan DAP tidak akan tuntut jawatan Perdana Menteri.

22. Sebaliknya sila teliti dasar-dasar Najib. Ia percaya orang Melayu boleh ditakutkan dengan cerita Kit Siang menjadi Perdana Menteri. Pendapat Najib ialah orang Melayu lebih mudah disuap dengan wang. Kerajaan Najib yang ada sekarang berharap wang yang dicuri dari 1MDB boleh beli orang Melayu.

23. Percayalah jika Najib menang orang Melayu akan menderita kerana dasar-dasar Najib hanya untuk mengekal dirinya sebagai Perdana Menteri. Hari ini pun orang Melayu merasai tekanan.

24. Pakatan Harapan bukan milik DAP atau Kit Siang. Pakatan Harapan adalah untuk Malaysia yang berjaya dan dihormati seluruh dunia.

45 thoughts on “DAP”

1. 
2. Log in to Reply **musato**Oct 10,2017 8:03 AM

Assalamualaikum Tun.

Isu perkauman satu hal. Ada juga yang sengaja mengapi apikan kerana ego bangsa.

Dan ada juga saya lihat dalam kaca tv, kadangkala pemikiran orang muda, aktivis bertembung dengan pemikiran orang dewasa dan matang.

Dalam what say you, tv2, aktivis muda bangsa Cina kata semua bangsa tinggalkan orang tua mereka di rumah orang tua. Termasuk bangsa Melayu katanya bila ditanya oleh hos rancangan.

Tapi bangsa cina berpangkat datuk kelihatan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Beliau lebih kepada kenyataan, bangsa cina sepatutnya mengurangkan peratusan tinggalkan orang tua mereka di rumah orang orang tua.

Orang Melayu jarang tinggalkan orang tua mereka. Ada, tapi itu bukan budaya Melayu.

Bersih. Tapi tandas awam kotor. Siapa paling banyak guna tandas awam? Orang Melayu.

Dan bila bangsa Cina mengajar bangsa Melayu berkenaan kebersihan, siapa akan terasa? Bangsa Melayu.

Setahu saya, sekotor kotor cara orang Melayu, kesucian dalam menangani najis, hadas, air mutlak adalah terkawal. Cuma ia mungkin lebih kepada bersepah, tidak kemas.

Di mana silapnya?

Terima kasih Tun.

3.

4. Log in to Reply **Anak.muda**Oct 10,2017 7:04 AM

assalamualaikum tun.

1.tun pasti sangat sedar perkara ni,dedak hanya berkesan untuk meracuni orang2 yang agak miskin dikawasan pedalaman untuk menyokong kerajaan tetapi sentimen perkauman ini adalah sangat dahsyat dan berkesan kerana ia dapat meracuni segenap masyarakat.

2.minta maaf tun kalau saya katakan semangat perkauman rakyat malaysia yang tinggi pada hari ini,salah satu daripada penyebabnya adalah disebabkan oleh tun sendiri.dan untuk mengubahnya kembali bukannya perkara yang mudah.bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebung.

3.mentaliti yang sudah ditanam selama berpuluh tahun,tidak akan dapat diubah serta merta.

4.saya percaya, orang yang dapat mengubah persepsi ini hanyalah pemipin negara iaitu kerajaan(tidak kiralah kerajaan PH atau BN).tetapi sanggupkah kerajaan melakukan perkara ini?senjata sentimen perkauman ini adalah sangat kuat.sanggupkah kerajaan meninggalkan senjata yang kuat ini untuk kesejahteraan negara?risiko yang diambil adakah berbaloi?memandangkan rakyat malaysia sekarang yang cenderung kepada perkauman perlukah mereka mengubahnya?

5.untuk mengubah perkauman dan menjadikan kita sebagai satu bangsa iaitu BANGSA MALAYSIA,dan menghilangkan sifat perkauman secara menyeluruh saya fikir kita memerlukan sekurang 20-30 tahun.itupun jika kita bermula dari sekarang kearah itu.tapi kerjaan sekarang lebih selesa mengguna sentimen perkauman ini.kita perlu bermula dari bawah,anak2 kecil yang masih bersekolah, dari situlah kita perlu semaikan semngat perpaduan tanpa mengira kaum dan bangsa dan menjadikan kita sebagai satu bangsa.

6.ramai yang berkata cina naik melayu habis jatuh miskin. tetapi saya berkata asalkan RAKYAT MALAYSIA yang dapat memajukan malaysia tanpa mengira kaum, saya tidak kisah itu siapa.sekarang rakyat kita berpusu2 nak berkerja sebagai petani di luar negara(australia/korea selatan) dan pendapatan mereka di sana lebih tinggi dari malaysia dan mereka hidup senang disana.mengapa perkara ini terjadi?kan mereka cuma pendatang yang menumpang dinegara orang?satu sahaja sebabnya kerana ekonomi yang kuat inflasi yang rendah tak kira siapa warganegara atau orang luar akan merasa kesenangan itu.

7.melayu islam sampah seperti najib tidak layak memerintah negara ini.pemikiran kolot seperti "najib nk rasuah atau curi duit biarkanlah asalkan yang memerintah melayu islam" perlulah dibuang jauh2 untuk kemajuan negara ini sendiri dan untuk kesenangan anak dan cucu saya kelak.

jaga diri tun. saya doakan tun sihat sejahtera

5.

6. Log in to Reply **anti rasuah**Oct 9,2017 8:48 PM

Assalamualaikum Tun.

Komen dari individu bertopengkan WATAN57:

Tun yang saya hormati, dengan rasa rendah diri,..
Apa pun pengakuan dan alasan Tun, menerima DAP adalah sesuatu yang amat sukar bagi ramai Melayu.

Bagi saya Watan57 ni mungkin dilahirkan tahun kemerdekaan Malaysia. Cara pembawakannya juga agak sukar menerima perubahan dan agak lambat mengikut peredaran masa.

Biarlah Watan57 dengan dunia dia. Too slow. Sorry bro, dalam PRU14 lu teruskan la naik kapal lanun yang dikemudikan Najis Razak, tetapi kami naik kapal PPBM yang dikemudikan oleh Tun Mahathir. Kami di sini sanggup mati bersama Tun dalam Perang PRU14 kali ini demi perjuangan mengembalikan kegembilangan negara kita Malaysia ke jalan yang betul. Naik la kapal najis tu yang akan karam dan mati la bersama Najis Razak tu.

Wassalam.

7.

8. Log in to Reply **musato**Oct 9,2017 2:12 PM

Assalamualaikum Tun.

Apa yang HBT merapu ni?

Ini blog pemimpin Bersatu. Tentulah saya post no acc CIMB 8008630319 kalau kalau ada yang sukarela untuk menyumbang sedikit wang ringgit bagi bahagian yang saya sertai.

Orang Melayu terkenal dengan kemurahan hatinya. Kalau HBT nak derma kat tabung DAP pun saya tak merajuk. Kan DAP sebahagian dari Pakatan Harapan.

Saya hanya berbudi bahasa dengan HBT, tulis elok elok sebab HBT bagi nasihat pada saya. "Jangan mintak duit dengan orang. Jaga diri sendiri dan jangan campur hal orang."

Takkanlah saya nak merajuk kalau HBT tak bagi sumbangan. Ramai lagi yang baik hati, kan.

Kadangkala kita cuba benarkan hujah kita pasal cara hidup berbilang bangsa dengan fakta fakta melalui pembacaan. Tetapi pengalaman dalam pergaulan adalah lebih besar kebenarannya dari hanya dengar cakap cakap ataupun pembacaan.

Hari ini, Tun tulis artikel artikel ini. Eaok hari mungkin Tun akan mengadap Yang Maha Esa.

Apa pilihan kita? Apa tanggungjawab kita pada agama, negara, bangsa, mahupun atas diri sendiri, sebagai individu dan keluarga.

Tidak semua apa yang Tun bagitahu adalah betul pada sisi pandanga
n lain. Malah tidak semua salah pada satu sudut sisi pandangan yang lain pula, kecuali kita berpandukan pada Al Quran dan Hadith.

Terima kasih Tun.

9. 

10. Log in to Reply **Hajar**Oct 9,2017 11:23 AM

Salam YAB dan Yang DiSanjungi Tun,

1. Jika tidak silap saya Tun Mahathir ialah PM Malaysia yang bertindak membuat peraturan tidak membenarkan arak dihidang pada acara-acara rasmi Kerajaan (yang sebelum itu berleluasa pada zaman PM-PM terdahulu).

2. Terdapat golongan rakyat yang tidak tahu membezakan antara meminum arak di tempat tertutup (persendirian – dibenarkan untuk orang bukan Islam) dan di khalayak ramai atau di tempat-tempat awam di mana orang ramai (secara umum / beramai-ramai) dijemput hadir (tidak kira agama). Perbuatan mereka ini tidak menghormati umat Islam (majoriti di Malaysia).

3. Takkanlah ada di kalangan kita yang jahil bahawa dalam acara-acara (events) orang bukan Islam hidangan arak ialah perkara biasa (untuk acara-acara tertutup dan persendirian). Itu hak mereka (setakat ini saja hak mereka). Tetapi mereka tiada hak untuk membuat festival arak di khalayak ramai seperti yang pernah dilakukan oleh Kerajaan Selangor di bawah DAP/ PAS/ PKR.

4. Saya menolak sebarang bentuk keganasan. Demostrasi jalanan pun saya tidak pernah terlibat. Amat melucukan dan tidak masuk akal ada (Sdr. RD. Oct 9,2017 1:08 AM) yang mengatakan FAHAMAN saya "mirip atau selari dengan fahaman Daesh atau ISIS". Ini contoh tuduhan melampau yang sengaja dibuat untuk 'mempersetankan' orang yang tidak sependapat dengan anda, Sdr. RD. Alahai…

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

11.

12. Log in to Reply **master**Oct 9,2017 9:10 AM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day

a. PRU14 sudah semakin dekat. Fokus PRU14 adalah memenangkan Pakatan Harapan, mengalahkan BN dan Pas. Ianya sangat jelas. Manakala masalaah terperinci hanyalah perkara kecil yang boleh dibawa berbincang.

b. Begitu juga BN dan Pas mempunyai objektif yang disebaliknya. Setiap rakyat dan pengundi mempunyai hak mereka masing2.

c. Tidak perlu terlalu lama memeningkan kepala memikirkan terlalu mendalam. Berilah sokongan kepada pilihan masing2. Buatlah satu keputusan yang tetap yang tidak goyah.

d. Yang mempunyai masaalah yang besar di sini adalah golongan atas pagar, pendirian yang goyang dan rapuh. Sekejap menyokong A menghentam B, kemudian menyokong A menghentam B pula. Mereka inilah yang selalu memening kepala para pengundi yang tak berapa faham perjalanan politik semasa untuk mereka membuat pilihan untuk mengundi yang mana satu.

e. Setiap PRU mempunyai masaalah, konflik yang berbeza. Begitu juga pada kempen PRU14 kali ini.

f. Adalah sangat jelas, Pakatan Harapan mesti memenangi PRU14. BN dan Pas mesti ditewaskan. Setiap pengundi yang tidak menyokong kerajaan najib mestilah menolak BN dan Pas.

g. BN pasti akan sanggup mengeluarkan duit seberapa banyak yang boleh dan sanggup melakukan apa sahaja untuk melindungi jenayah yang mereka telah lakukan di mana sangat jelas salah, salah di sudut perakaunan, undang2 dan juga jenayah. Kesalahan mereka telah terbongkar. Bangkai gajah tidak akan dapat ditutup dengan daun kelapa. Akhirnya mereka akan menutup bangkai dengan bangkai juga. Maka jenayah akan terus berleluasa tanpa penghujungnya. Kekalahan mereka pada PRU14 adalah igauan mimpi ngeri yang sedaya upaya mereka akan lakukan apa sahaja demi kemenangan berpihak kepada mereka.

h. Pas memainkan sentimen Islam dan majoriti pengikutnya adalah orang Melayu. Pas sudah tidak lagi relevan dalam pilitik tanahair. Kewibawaan mereka sangat jelas sebagai pengacau, samaada penyumbang kepada perpecahan Melayu bahkan lebih dahsyat lagi sebagai ekstrimis, keras dalam menfatwakan undang2 serta sesuka hati menfatwakan apa sahaja mengikut nafsu tanpa merujuk saluran yang benar. Mereka tidak pernah konsisten dengan pendirian mereka ibarat hipokrit/munafik, manakala fatwa dan syariat adalah tertakluk hanya kepada selain ahli Pas manakala mereka bebas membuat apa sahaja kerana mereka sentiasa ada jawapan untuk menghalalkannya.

i. Kuatkanlah sokongan kepada Pakatan Harapan. Peluang sudah terhidang untuk mengalahkan kerajaan najib. Tujuan asal bukanlah membenci najib, kerajaan dan juga sesiapa sahaja. Tetapi apabila kesalahan telah jelas kelihatan dengan hujah2 serta bukti maka adalah wajib bagi yang sayangkan Agama, Bangsa dan Tanahair untuk berjihad, berjuang melawan dan mengalahkannya serta memberi sokongan yang padu kepada Pakatan Harapan yang mempunyai barisan kepimpinan yang sangat berpengalaman untuk mengambil alih pentabiran kerajaan yang sedia ada.

j. Jika tidak, Negara kita lama kelamaan akan hancur kerana diperintah oleh penjenayah, pemimpin yang tidak amanah, kaki penipu serta suka berfoya2. Segala tabung yang ada dalam kerajaan dan juga agensinya sudah pun ditebuk demi melindungi jenayah yang mereka lakukan. Bukan sahaja rakyat Malaysia yang dirasuahnya malah pemimpin luar Negara pun dilibatkannya. Duit tabungan itu untuk memajukan Negara dan untuk masa depan anak cucu kita, tetapi mereka gunakan untuk menjahanamkan Negara. Betul2 tak guna punya manusia.

13.

14.  Log in to Reply **Sri Sense**Oct 9,2017 8:59 AM

Salam Tun

Pendapat I DAP adalah sebuah parti politik Cina, pemimpin besar mereka pun keturunan Cina, agak sukar nak kata ini parti berbilang kaum, kerana penyokong majoriti golongan Cina yang anti MCA.

Namun gitu saya akui ramai pemimpin kalangan mereka boleh bekerja dan jalankan tugas dengan baik. Kalau kita lihat tempat yang parti anti BN telah jajah, pembangunan jauh lebih baik dari tempat yang BN conquered.

Tun, memang adat orang politik kutuk each other, tidak perlu meminta maaf, kalau nak musim election lagi lah tetapi sebagai pengundi harus tau siapa yang mereka akan pilih nanti, jangan sekadar dapat suapan mata jadi kabur.

15.

16.  Log in to Reply **RD.**Oct 9,2017 1:08 AM

Fahaman Saudari Hajar pada Oct 8,2017 10:24 PM, pada saya, mirip atau selari dengan fahaman Daesh atau ISIS.

Saudari kata; "Hak orang Islam (majoriti) dan umum lebih penting".

Kalau dah begitu, Majority Buddha di Myanmar juga berhak berkata; 'Hak orang Budhha (majoriti) dan umum lebih penting".

Begitu juga di Thailand, Filipina dan China atau dimana Masyarakat Islam adalah minority.

Saudari harus sedar bahawa masyarakat atau Negara seluruh dunia, dimana Buddha adalah majority, mula menjadi amat curiga terhadap Islam apabila Puak Taliban mengebom Patong Gergasi Buddha di Pergunungan Bamiyan pada Mac, 2001. Sebab itu Negara China dan lain-lain Negara yang punyai kuasa-Veto, memejam sebelah mata ketika Amerika, secara unilateral, mengebom Afghanistan & Iraq selepas insiden 911.

Nota:
1. Insiden 911 atau Sept. 11. 2001, terjadi 6 bulan selepas Taliban mengebom Patong Buddha di Pegunungan Bamiyan, Afghanistan. Insiden keganasan di Rakhine, Selatan Thai, Mindanao dan Xinjiang Uyghur Autonomous Region di China, semakin meningkat selepas 2001.

2. Patong Gergasi Buddha (yang paling besar, setinggi 53 meter) di Bamiyan itu dipahat dengan tangan pada permukaan dinding gunung batu-kapor, sekitar kurun ke 3 ~ 6. (Sebelum Nabi Isa?)
Sila google, Buddhas of Bamiyan untuk mengetahui lebih lanjut.

Oleh yang demikian, Umat Islam yang semakin lemah hari akibat ketinggalan dalam serba-serbi kemajuan duniawi, jangan lah bertindak dan berkelakuan bodoh seperti Puak Taliban yang telah menghumban minority Islam diNegara lain ke dalam bahaya. Daripada Puak Taliban mencari rezeki dengan penanaman pokok popi yang menghasil candu dan pelbagai jenis dadah lain, lebih baik mereka hidup dengan rezeki yang datang dari hasil pelancongan seperti yang terdapat di Mesir.

17.

18. Log in to Reply **HBT456**Oct 9,2017 12:19 AM

103. Unless she is in afghanistan, then, her dream of being the leader of islamic malaysia is impossible.

104. Kelakar betul apabila lim kit siang kata beliau tak akan jadi perdana menteri malaysia.

105. Beliau ingat hanya dia saja yang ada mimpi 1malaysia untuk semua kaum di negara ini?

19.

20. Log in to Reply **RD.**Oct 9,2017 12:14 AM

Untuk pengetahuan Saudara Watan57, saya adalah peminat tegar Blogger JebatMustDie. Boleh dikatakan, kebanyakan pengetahuan mengenai trajedi Mei 13, 1969 yang saya fahami, datangnya dari penulisan JMD ketika beliau masih menjadi pembela-tegar kepada Kerajaan BN/UMNO.

Di samping itu, saya juga membaca blog seorang Ultra-Cina bernama Shuzheng, melalui pautan yang terdapt diblog JMD. Yang saya pelik, Shuzheng sudah mula menyokong Najib setelah Tanah-Besar China menjadi 'penyelamat' 1MDB. Shuzheng pernah menulis… dalam bahasa Inggeris… apalah sangat hilang berpuloh Billion, bila kita (baca, dengan 'kedatangan' beramai-ramai Cina tanah-besar) boleh mendapatnya semula dengan cepat tak lama lagi.

Oleh yang demikian, saya syorkan Saudara baca juga blog-blog yang anti-kerajaan atau anti-Melayoos supaya dapat gambaran sebenar risiko terhadap hutang yang terbeban keatas Rakyat-jelata dari skandal 1MDB-Jho Low.

21.

22. Log in to Reply **Hajar**Oct 8,2017 10:24 PM

Salam YAB dan Yang DiSanjungi Tun,

1. Malaysia di iktiraf di dunia sebagai sebuah negara Islam.

2. Jika ada yang tidak mahu menerima kenyataan ini (tidak kira dari parti mana / tidak berparti), termasuk pemimpin2, penyokong2 dan ahli2 DAP, itu masaalah mereka. Yang patut 'berambus' (atau masuk hutan?) ialah mereka ini.

3. Lagi malang ada segolongan Melayu Islam Liberal yang sanggup bersekongkol (malahan nampak "lebih sudu dari kuah") dengan orang kafir @ bukan Islam untuk menjayakan agenda orang bukan Islam seperti menyokong 'Octoberfest' dan segala macam pesta arak dan pelbagai lagi maksiat dan perbuatan haram di khalayak ramai. Saya yakin golongan liberal ini tidak kisah jika 'Gay Pride Festival' seperti yang saya pernah lihat di Amsterdam (secara kebetulan) turut diadakan di Malaysia. Kita juga tahu golongan mana yang menyokong LGBT,

4. Golongan Islam liberal yang jahil ini tidak kisah terhadap segala kesan buruk ARAK dan LGBT kepada khalayak umum, terutamanya kepada umat Islam. Orang mabuk boleh mengakibatkan kemalangan maut (banyak kes sebegini), dan lain2 perkara buruk. LGBT pula boleh merosakkan institusi kekeluargaan (haram dalam Islam). Hak orang Islam (majoriti) dan umum lebih penting.

5. Mungkin ada yang kata, "Melayu Islam tidak akan jadi kafir" kerana membenarkan pesta arak diadakan, tetapi menghalalkan/menyokong perkara (mendedahkan khalayak ramai kepada arak dengan membenarkan minum arak di tempat awam) yang ternyata HARAM sudah merosakkan iman/aqidah seseorang umat Islam. Ataupun orang sebegini bukan kisah pun jika ada arak (atau anjing) di dalam rumah mereka (ada banyak contoh), dan mungkin tidak kisah 'join' sekali pesta arak (walaupun mungkin tidak minum).

6. Nampaknya wang (hal duniawi) lebih penting kepada sesetengah orang berbanding menjaga kemuliaan dan memartabat agama Islam. Memang benar kenyataan Tun bahawa kepada sesetengah manusia 'Wang ialah Raja' ('Cash is King'). Saya tidak akan sokong pemimpin2 yang korup (pecah amanah) serta pemimpin2 yang 'menjual/menggadai agama' (Islam) untuk kesenangan duniawi (ada habuan/suapan wang – amanahkah?) dan juga untuk meraih undi dari rakyat bukan Islam (juga untuk raih undi golongan Islam liberal yang tidak mahu ikut hukum agama Islam).

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

23.

24. Log in to Reply **HouseWife**Oct 8,2017 9:34 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, tak dinafi bila dengar ucapan semasa Tun sebagai Presiden Umno bab Dap memang tinggal kesan yang meluap2 almaklumlah hati waktu masih muda tapi taklah jadi sampai fanatik dan membenci Dap sepanjang masa. Pada saya itu hanya ucapan politik, setiap parti politik ada sarang tebuan ka sarang tikus ka nak usik2 kalau tak itu bukan nama politik. Setiap parti poltik nak tunjuk gahnya pada ahlinya dan orang luar, tak gitu Tun.

Masa berubah dan zaman berjalan, hati dan pendirian manusia pun berubah2. Pada saya Tun tak berubah pendirian masih sama hanya yang berubah adalah umno selepas Tun maka Tun terpaksa cari jalan untuk selamatkan Malaysia daripada malapetaka yang akan dan telah dibawa oleh umnoMO1.

Umno zaman Tun symbolises order, umno zaman Mo1 symbolises chaos. Tengok orang macam si jamal amat 'baguih' kelakuan dia sampai tak boleh tahan dia dalam lokap. Dia dan sewaktu dengannya memberi umno lambang huru hara kacau bilau. Seperti pusat2 pendidikan tinggi seolah2 gedung propagandis umnoMo1 kerana pengalisis politiknya suka keluar aya-ayat bahaya batu api dan rasis. Takkanlah Tun jejak kaki ke pejabat Dap akidah dan pendirian Tun berubah 360%. Dalam buku 'Inilah Perjuangan' Tun cerita pasal sejarah pertelingkahan yang panjang antara Tun dan LKY. Saya fikir Tun masih tak setuju konsep yang dibawa LKY dan jadi ikutan Dap. Kalau bukan kerana kebijaksanaan Tun membendung kekuatan dan kekuasaan Dap masakan umno dapat jadi kuat dan kaya raya seperti sekarang. UmnoMO1 sepatut berterima kasih pada Tun. Tun sebenarnya tidak bermusuh dengan CinaDap atau dengan Cina luar Dap atau mana2 Cina. Sebab sebagai PM Malaysia selepas tamat pru Tun anggap semua kaum yang ada parti atau tidak adalah rakyat Malaysia dan bertanggungjawap memberi hak yang sepatutnya. Ini PM yang adil untuk Malaysia.

Tapi sekarang ni apa yang saya lihat umnoMO1 asyik2 keluar komen2, statmen2 dan ayat-ayat sangat rasis dan keras yang bahaya dan akan bawa kepada kebencian dan kegurisan hati kaum itu. Macam mana umnoMO1 nak tambat hati kaum Cina untuk sokong dia dan Bn kalau hari2 asyik cakap buruk dan rasis. Janganlah umnoMO1 jadi penindas dan bersikap angkuh, apa yang tak setuju cakap baik2 mungkin belah sana pun akan cakap baik2. Ini tak semua asyik balas membalas dengan hentaman demi hentaman, kejian demi kejian sampai dah naik bosan dengarnya…hari2 saaamaaa saja perangai.

Pas pun sama…politik matang? Kat johor tak bising pun pasal pesta arak. Si jamal tak beli beratus2 botol arak (guna duit sapa-halal ka), pi pecah botol2 arak kat pejabat mb johor, melaka selain di Selangor. Kedai dobi Islam satu di Malaysia pun dah kecoh diperintah tukar dan minta maaf kepada semua bukan Islam, Pas tak cuba pertahan ka? Setahu saya satu kedai je di Muar bukan di bandaraya Johor pun. Bukan dia curi duit mana2 kementerian untuk buka syarikat buat bisnis dobi Islam. Agaknya takut satu kedai dobi Islam ni akan jatuhkan kerajaan atau jadi negeri taliban kot. Ni pesta arak di johor mb cakap jangan siapa2 buat bising ni acara dah laaamaaa dah buat di johor, kalau mb

ni tak cakap saya pun tak tahu rupanya umno suka buat pesta arak di johor! Boleh macam ni pula satu negeri tak boleh, satu negeri boleh…kriteria apa pakai?

Tun, do you know that Sri Lanka is the first Asian country to become the victim of China's Debt Trap. Sri lanka is crippled under a severe debt problem. 95% of all government revenues go towards debt repayment. Many locals feel their country is sold to China. China gives easy loans to several nations and using this tactic to fix nations into its trap. China prefers to give contracts to its own companies. I've read this happened to Zimbabwe too. Zimbabwe announced it will make China's Chinese yuan legal tender after Beijing confirmed it will cancel its $40m in debts. Malaysia debts to China are hundreds billions! Pray Malaysia is not in this Trap. China is a very smart nation and Malaysia must not give in too much. This is where Tun comes in, to make Malaysia smarter and better and not be easily sway with easy loans ringgit in billions.

May Allah bless Tun, family and friends always. Pray Malaysia Save.

25.

26. Log in to Reply **HBT456**Oct 8,2017 8:28 PM

88. Musato pun mengaku sumbangan itu bukan masuk poketmu, masuk ketua bahagianmu.

89. You rasa di negara ini hanya parti musato saja yang layak memintak sumbangan?

90. Jika tak bagi, musato merajuk?

91. Saya ini orang luar pun nampak, takkanlah orang dalam tak nampak pun, betul tak?

92. Suka atau tidak, apabila pru dipanggil, kita dan dunia akan tahu siapakah perdana menteri malaysia.

93. Yesterday is past, thats why today we call present, and tomrrow is a mystery, thats why we can only predict and speculate which trend she is heading.

94. What happen in the future, no one knows.

95. Therefore, be kind, be thoughtful, be considerate, be grateful and have lots of love for the people and mother nature,

96. Love is kind, and was never wicked.

97. What happened in the past, we cannot change.

98. What happens in the future, we can only improve.

99 . Dont forget, malaysia is no longer a child.

100. She is in her adulthood, and she could be rebellious if she does not like the way she is being treted.

101. Bak kata, siapa makan cili, mereka lah yang rasa pedas.

27.

28. Log in to Reply **RD.**Oct 8,2017 6:55 PM

Saudara Watan57.

Siapa ‘Dr.Sampah’ yang Saudara maksudkan itu?

Saudara tak percayakah, bahawa Party Gerakan & PPP adalah rakan DAP dalam ‘Perarakan Kemenangan’ PRU pada 1969 itu?

Laporan Tragedi Mei 13 dikeluarkan selepas Party Gerakan & PPP masuk Perikatan, sebab itu hanya DAP dipersalahkan membawa penyapu-besar.

Jika dahulu, PAS yang pernah mengafirkan UMNO, boleh ‘berpelok’ dengan DAP untuk menjahanamkan UMNO, mengapa Party Melayu yang lain tidak boleh ‘berpelok’ dengan DAP untuk menjatuhkan Kleptocracy?

Nota; Saudara pernah tengok gambar Haji Hadi sedang berpegangan-tangan dengan Guan Eng, bersama turun berkempen menjahanamkam UMNO?

29.

30. Log in to Reply **musato**Oct 8,2017 4:59 PM

Assalamualaikum Tun.

Ye lo amoi. Saya tahu amoi sokong saya ketat ketat. Sebab tu amoi bising sama saya minta wang dari orang.

Akaun CIMB 8008630319 adalah akaun rasmi Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Saya bukan penandatangan cek. Penandatangan cek adalah KB (ketua bahagian) dan Setiusaha bahagian sahaja.

Jika ada sumbangan, wang itu tidak akan masuk dalam poket saya. Bukan akaun saya pun. Ia adalah untuk kegunaan semua orang dalam bahagian saya bagi membabitkan diri dalam program program yang berkaitan dengan diuruskan oleh KB dan setiusaha.

Kalau amoi nak bagi 100, 200 pun okey amoi. Terima kasih in advance saya ucapkan.

Terima kasih Tun.

31.

32. Log in to Reply **Ingat Akhirat**Oct 8,2017 2:57 PM

Salamalikom Tun,
Memang benar lagi terbukti kata2 Tun…" Dakwaan bahawa Kit Siang akan jadi Perdana Menteri ini diguna oleh Najib untuk menakutkan UMNO dan orang Melayu ". Rakyat diBahulukan oleh Najib.

Dan orang Melayu sahaja yang terpengaroh dengan hasutan2 Najib ini. Cerita 13 Mei ini sama seperti cerita2 Nazi dan Askar Jepun Perang Dunia 2 yang diulang2 tayang sehingga sekarang untuk menunjukkan yang Amerikalah Penyelamat Dunia…..

Ini adalah nasihat pada semua Melayu2 yang masih terpengaroh dengan hasutan2 Najib. Janganlah kamu Melayu2 beremosi atau terganggu dengan nasihat2 Tun, sebab yang lebih utama adalah untuk menyelamatkan Melayu dan Malaysia. Sementara kudrat Tun masih diberkhati Allah, sama2 lah kita berhijrah kearah Kebenaran bersama2 Tun.

Kemana perginya wang hutang Negara yang bertambah? Tetapi Beban2 Rakyat masih meningkat!!

Terima Kasih Tun.
Ingat Akhirat

33.

34. Log in to Reply **HBT456**Oct 8,2017 12:16 PM

Peole and the country

35.

36. Log in to Reply **HBT456**Oct 8,2017 12:13 PM

75. One must be wondering why the highest power of authority of people's republic of china stay firm and never flip flop nor maverics in their domestic policies and international policies until today.

76. Why suddenly dap gets nod from umno ros to go with their party election?

77. What is the consequences or the result of the party election?

78. No matter what the result is, the political status of penang is ultra, atau tidak kukuh.

78. There is no other chinese political party that can represent chinese except mca.

79. Similarly, there is no other malay political party that can represent the malay except umno.

80. There is no other indian political party that can represent indians except mic.

81. The same applies to sabah, and sarawak.

82. For those who are chanting of swapping seats, they are only opportunist and can be bought, thats for sure.

83. Hopping in and out is not something new in this country.

84. Bak kata, sepandai tupai akhirnya jatuh ke tanah, atau laut jugak.

85. "**路遙知馬力, 日久見人心**" ("lù yáo zhī mǎ lì, rì jiǔ jiàn rén xīn"), which literally means "as a long road tests the strength of a horse, so time reveals a person's heart."

86. To unite or split, its up to the coalition of both divides to decide.

87. Look before you leap, and i wish all of you think deeply and put the people and the people above your party.

37.

38. Log in to Reply **HBT456**Oct 8,2017 10:06 AM

51. You faham ke atau malas, itu lah keputusan peribadi musato.

52. Unfortunately, most leaders do not even understand the game they are in.

53. Often they got trap with the dilenma of either he is a liar or a fool.

54. Politics is a life long career.

55. It was never meant as a career that could make you a millionaire, or billionaire overnight.

56. Henceforth, general election must be called to get the mandate from the voters in every 5 years.

57. Locals used to say politics is dirty.

58. No, politics is not dirry, but it is a risky career too and if you made a tiny wrong step, you could be sent to jail, demoted or force to resign, just like all of us in white and blue collar industries.

59. Mr trump wants to bring jobs back into usa, and it is an open secret that usa needs to create the fear that their country is under threat all the time so that they need to retaliate with military option to maintain the position of us dollar since many allies' fiat money, atau currency, are pegged with us dollar.

60. To usa, when negotiation failed, military is their only option of the elected president.

61. But, to china, when negotiation failed, foreign diplomacy is the only option.

62. When foreign diplomacy failed, and when china is under foreign military threat, they too had no choice but retaliate with military option to defend their land and wealth, and this is politics.

63. When rm was depegged from us dollar and changed to myr in 1998 coupled with nep via massive national economic policies via bailouts with nep bumiputra status, and when menang, the winner replaces all the top vvips with his choice of members.

64. Today, the next wanabe umnoputra too would do the same thing to create the fear that their ketuanan is under threat, this time their threat is the slogan of malaysian malaysia.

65. But, you can fool them sometimes, but you cannot fool them all the time, and jangan lupa, mereka pun melayu jugak.

66. What happen next, we can only speculate, we can never manipulate the sentiment of the voters.

67. When you manipulate the sentiment of the voters behind back door dealings to retain your positionings, then, such action is ultra, and termed as power abuse no matter how you declare in the eyes of the world.

68. Can nep be maintained in the next 10 years?

69. Boleh atau tidak boleh, the answer would be made officially via general elections in every 5 years.

70. As voters, we can only vote, itu saja.

71. If you are not happy, you can vote opposition parties to voice out your stand, itu saja.

72. Whoever gets the majority support, they will become the pm and form the cabinet.

73. Rukun negara is here to stay for many years a head.

74. Therefore, if you cannot tolerate the existence of other races and religions, then, the best way out is go gack to your kampung halamanmu, itu saja.

39.

40. Log in to Reply **watan57**Oct 8,2017 9:11 AM

… terdapat ralat dalam komen diatas,..
– komen balas itu ditujukan kepada komen RD pada Oct7,2017 4:47pm.
– "Dr Sampah" yang didapati menipu ijazah kedoktorannya diperbetulkan kepada …"Dr Sampah" yang didapati menipu ijazah PhDnya…

